



JABATAN MINERAL DAN GEOSAINS MALAYSIA

(Minerals and Geoscience Department)

IBU PEJABAT, LANTAI 20
BANGUNAN TABUNG HAJI
JALAN TUN RAZAK
50658 KUALA LUMPUR
MALAYSIA

Telefon : 03-21611033
Faks : 03-21611036
E-mail : jmg.kil@jmg.gov.my
Laman Web: <http://www.jmg.gov.my>



Rujukan kami : JMG KLL:(PN)08/30/6 (12)
Tarikh : 6 Jun 2012

Pengarah Bahagian Perkhidmatan Teknikal, Ipoh
Pengarah Pusat Penyelidikan Mineral, Ipoh
Semua Pengarah JMG Negeri
Semua Pengarah Ibu Pejabat

SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH BILANGAN 1 TAHUN 2012

PENETAPAN BAYARAN PERKHIDMATAN PERUNDINGAN KAJIBUMI JABATAN

TUJUAN

Surat pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan tentang penetapan bayaran perkhidmatan perundingan kajibumi Jabatan bagi menjalankan kerja-kerja pihak swasta tempatan dan dari luar Negara.

LATAR BELAKANG

2. Jabatan telah menetapkan dalam AKTA FEE 1951, PERINTAH FEE (Analisa dan Laporan) 1997, dimana bayaran kerja ini ada terdapat dalam Jadual (Peraturan 2), Bayaran Yang Kena Dibayar, dalam perkara C (Perkhidmatan Kajibumi).

- (1) Perundingan Kajibumi
- (2) Penyediaan Laporan Kajibumi

3. Satu kajian telah dibuat mengambil kira gaji pokok terbaru untuk pegawai dan kakitangan yang terlibat. Bayaran sehari setiap peringkat pegawai dan kakitangan adalah seperti berikut:

Pegawai Kanan (menjalankan kerja)	= gaji Pokok C41 / 25 hari
Pegawai Kanan (menjalankan seliaan)	= gaji Pokok C48 / 25 hari
Pegawai Kanan (menjalankan penyelarasan)	= gaji Pokok C52 / 25 hari
Pembantu Kajibumi Kanan	= gaji Pokok C22 / 25 hari

PENETAPAN BAYARAN

4. Penetapan bayaran untuk kerja yang dinyatakan di atas adalah seperti berikut:

(1) Pegawai Kajibumi/Geofizik (menjalankan kerja)	= RM 100.00 / hari
Pegawai Kajibumi/Geofizik (menjalankan seliaan)	= RM 200.00 / hari
Pegawai Kajibumi/Geofizik (menjalankan penyelarasan)	= RM 230.00 / hari
Pembantu Kajibumi Kanan	= RM 100.00 / hari
(2) Penyediaan Laporan Kerja /Teknikal	= RM 100.00 / hari

PENGECUALIAN

5. Pihak Perbendaharaan telah bersetuju bahawa agensi-agensi Kerajaan dikecualikan dari membayar perkhidmatan tersebut.

PEMAKAIAN

6. Pengarah-Pengarah Bahagian, Cawangan dan Pejabat JMG negeri adalah bertanggungjawab memastikan bahawa peruntukan-peruntukan dalam Surat Pekeliling ini difahami dan dipatuhi.

TARIKH KUAT KUASA

7. Surat Pekeliling ini adalah berkuat kuasa mulai dari tarikh ianya dikeluarkan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



DATO' YUNUS BIN ABDUL RAZAK
Ketua Pengarah
Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia